

NOTIS PRIVASI SHELL MALAYSIA

Pelanggan yang dihormati,

Seperti yang anda sedia maklum, Kerajaan Malaysia telah menetapkan 15 November 2013 sebagai tarikh penguatkuasaan Akta Pelindungan Data Peribadi 2010 ("**Akta**"). Akta ini bertujuan untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi di Malaysia dan menghendaki kami untuk memberikan notis kepada anda berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan data peribadi anda yang sedang diproses, atau yang akan dikumpul dan diproses.

Berhubung dengan itu, sila maklum bahawa data peribadi anda (termasuklah nama, alamat, nombor telefon dan emel) yang diberikan kepada **Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd.** and **Shell Timur Sdn. Bhd** dalam segala urusan anda atau perniagaan anda dengan Shell, mungkin akan diproses oleh Shell, syarikat-syarikat gabungannya atau bagi pihak Shell, untuk tujuan-tujuan yang berikut:-

- A. Untuk mengendalikan mana-mana akaun anda atau perniagaan anda;
- B. Untuk menyediakan perkhidmatan untuk anda atau perniagaan anda;
- C. Untuk menghubungi dan berhubung dengan anda atau perniagaan anda;
- D. Untuk menjawab sebarang soalan atau permintaan yang anda atau perniagaan anda kemukakan;
- E. Memproses pesanan dan permohonan yang anda atau perniagaan anda kemukakan;
- F. Mengendalikan atau sebaliknya menjalankan tanggungjawab kami berkaitan apa-apa perjanjian yang anda atau perniagaan anda ada dengan kami;
- G. Menduga dan menyelesaikan masalah berkaitan apa-apa produk atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada anda atau perniagaan anda;
- H. Untuk membuat penyelidikan, tinjauan pasaran dan analisis arah aliran;
- I. Mencipta produk atau perkhidmatan yang mungkin memenuhi keperluan anda atau perniagaan anda;
- J. Tujuan-tujuan sah lain seperti yang ditentukan oleh Shell;
- K. Untuk mengurus dan mengendalikan sebarang acara, pertandingan atau promosi yang disertai oleh anda atau perniagaan anda; dan/atau
- L. Untuk memberikan anda maklumat pengiklanan dan pemasaran berhubung dengan produk dan perkhidmatan Shell dan/atau rakan-rakan perniagaannya ("**Pemasaran Langsung**").

Dengan mengemukakan data peribadi anda kepada Shell, anda:

1. Mengisytiharkan bahawa anda telah membaca, memahami dan menerima semua kenyataan di dalam notis privasi ini;
2. Mengisytiharkan bahawa maklumat yang diberikan kepada Shell dalam urusan-urusan anda adalah tepat, lengkap dan benar;
3. Memberikan keizinan untuk pemprosesan data peribadi anda yang sedang diproses, atau yang akan dikumpul dan selanjutnya diproses oleh kami;
4. Mengizinkan penghantaran data anda antara Shell, syarikat-syarikat gabungannya dan/atau pihak-pihak ketiga yang memproses data anda bagi pihak Shell dengan cara dan setakat mana yang telah dinyatakan dalam notis privasi ini, di mana jua lokasi mereka; dan

5. Mengizinkan penghantaran data anda ke lokasi-lokasi di luar Malaysia atau pendedahan kepada rakan-rakan perniagaan dan/atau pembekal perkhidmatan kami, yang mungkin terletak di dalam atau di luar Malaysia.

Selain yang telah dinyatakan dalam notis ini, kami tidak akan mendedahkan data peribadi anda tanpa kebenaran anda kecuali jika kami berhak atau diwajibkan untuk mengambil tindakan tersebut daripada segi undang-undang (contohnya, jika kami diperlukan untuk mengambil tindakan tersebut menurut proses undang-undang atau bagi tujuan pencegahan fraud atau jenayah-jenayah lain) atau sekiranya kami mempercayai bahawa tindakan sebegini diperlukan untuk melindungi dan/atau mempertahankan hak-hak, harta atau keselamatan diri kami dan pelanggan-pelanggan kami atau individu-individu lain.

Bagi membolehkan kami memproses data peribadi anda, keizinan anda diperlukan. Sekiranya anda tidak mengizinkan kami memproses data peribadi anda (selain daripada keizinan berkaitan dengan Pemasaran Langsung), sila hantarkan notis bertulis kepada Shell berkenaan dengan hal ini melalui e-mel kepada alamat yang relevan di bawah. Oleh sebab itu, kami tidak akan dapat melaksanakan perkara-perkara (A)-(K) di atas dan perlu mempertimbangkan semula segala urusan kami dengan anda, dan/atau menyingkirkan anda daripada sebarang acara, pertandingan atau promosi yang dikendalikan oleh Shell.

Anda boleh mengemukakan permintaan kepada Shell supaya tidak memproses data peribadi anda bagi tujuan Pemasaran Langsung dengan memberikan notis bertulis kepada Shell melalui e-mel kepada alamat yang relevan di bawah. Sejurus selepas menerima notis bertulis anda, Shell akan menghentikan pemprosesan data peribadi anda bagi tujuan Pemasaran Langsung dalam tempoh masa yang munasabah.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai notis ini, ingin mengemukakan apa-apa aduan atau meminta akses kepada data peribadi anda, sila hubungi wakil Shell di bawah melalui e-mel di generalpublicenquiries-my@shell.com. Mana-mana permintaan akses tertakluk kepada fi dan peruntukan yang terpakai dalam Akta dan/atau peraturan-peraturannya. Shell berhak menolak untuk memproses sebarang permintaan yang tidak lengkap, tidak praktikal dan/atau tidak dibuat dengan suci hati.